

15 warga asing, dua kapal ditahan

Kota Tinggi: Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Dua Johor menahan dua kapal tunda selepas disyaki memindahkan minyak tanpa kebenaran di Laut Sungai Buntu, Sungai Rengit dekat Pengerang, Rabu lalu. Dalam serbuan jam 9 malam itu, anggota PPM turut menahan 15 lelaki warga Indonesia berusia antara 25 tahun dan 50 tahun.



METRO AHAD

Anak wariskan hutang along RM200,000

Kuala Lumpur: Seorang ibu menderita tekanan perasaan apabila diugut samseng celi haram atau along saban hari susulan tindakan anaknya berhutang hampir RM200,000 untuk dilaburkan dalam skim cepat kaya.

Bagaimanapun anaknya berusia 36 tahun menghilangkan diri selepas menyedari ditipu sindiket skim cepat kaya selain gagal membayar hutang kepada tujuh along sejak awal tahun ini.

Mangsa yang mahu dikenali sebagai Ting, 60, mendakwa anaknya meminjam wang dari tujuh along untuk melaburkan wang itu.

"Dia ada menyatakan hasrat mahu meminjam wang dari saya untuk menyertai pelaburan namun saya memberitahu saya tidak mempunyai wang se-



RUMAH mangsa yang disimbah cat selepas anak mangsa gagal membayar wang dipinjam.

banyak itu.

"Anak saya kemudian mula memarahi saya kerana tidak mahu membantunya sebelum keluar meninggalkan rumah," katanya.

Menurutnya, dia hanya mengetahui anaknya meminjam wang dari along pada April lalu dan tidak menjelaskan hutangnya sehingga kini.

"Pada 3 Julai lalu, dia datang ke rumah dan mengambil semua barang miliknya di rumah saya. Itulah kali terakhir saya berjumpa dengannya.

"Kelmarin, mereka bertindak menyimbah cat pada pagar rumah dan menampal kertas ugutan mengandungi maklumat anak saya," katanya.

Sementara itu, Ketua Biro Aduan Awam MCA Datuk Michael Chong berkata, pihaknya menerima 312 aduan berhubung masalah along sejak awal tahun ini.